

# Perubahan2 dan corak baru dlm Pesta Silat

<sup>1</sup> *PENCAK SILAT.*  
**PERSEKUTUAN** Silat Singapura (Persisi) merancang untuk membuat beberapa perubahan dalam pertandingan pesta silat kebangsaannya yang keenam akhir tahun ini bagi menjadikannya lebih menarik dan meningkatkan tarafnya.

Sejajar dengan itu ia akan menyertakan beberapa corak baru termasuk seni tarian silat,

persembahan silat berbunga perseorangan dan pertandingan beregu **20 AUG 1982**

## Berbesa

Dalam pertandingan sebelum ini, terdapat hanya dua bahagian iaitu pertandingan tanpa senjata dan pertandingan yang menggunakan senjata.

Selain dari itu, sistem

pengadilan akan diubah dan diperluas untuk meliputi aspek-aspek pakaian, seni dan kecerdasan seseorang pesilat.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, memberitahu bahawa perubahan-perubahan itu dibuat selepas rombongan mereka mengadakan tinjauan terhadap corak pertandingan silat di Indonesia.

Rombongan Persisi baru-baru ini telah mengambil bahagian dalam

<sup>2</sup> Pesta Silat Asean yang ke lima di Jakarta dari 2 hingga 9 Ogos lalu.

Encik Johari menyatakan bahawa semasa di Ceribon, rombongan Singapura telah berpeluang melihat satu pertandingan seni silat.

"Pertandingan seni silat itu berbeza dengan apa yang diamalkan di sini. Mereka mempunyai pertandingan beregu dalam bahagian-bahagian tarian silat, bunga dan perseorangan.

"Apa yang lebih menarik ialah mereka mempunyai pakar-pakar seni yang dapat menilai seni silat yang baik," kata Encik Johari.

Aspek-aspek pembaharuan ini, beliau menambah, akan diperkenalkan dalam pesta silat kebangsaan Persisi yang keenam pada akhir tahun ini.

## Gamelan

Sistem pengadilan di Indonesia juga melibatkan beberapa aspek seperti persembahan, pakaian, seni dan kecerdasan.

Encik Johari juga menyatakan bahawa Persisi juga sedang menimbangkan untuk menggunakan kumpulan gamelan untuk mengiringi pertandingan itu.

Alunan dan rentak gamelan itu akan disesuaikan dengan jenis silat yang dipertandingkan.

## Program utk kenalkan seni silat ke Barat dialu2

**21 AUG 1982**

*PENCAK SILAT.*  
**RANCANGAN** Pertubuhan Silat Antarabangsa (Persilat) untuk memperkenalkan seni pertahanan diri Melayu atau silat ke Eropah, Amerika dan Australia adalah langkah yang wajar sekali ke arah menjadikan seni pencak silat sebagai satu corak riadah yang popular.

Saya setuju dan mengalu-alukan rancangan itu kerana pada pandangan saya seni silat masyarakat Melayu itu adalah setanding dengan seni silat bangsa lain seperti karate, tae Kwon-do dan gong fu. Apa yang kurang ialah bahawa seni silat telah tidak diberikan pendedahan yang sewajarnya oleh kalangan guru silat sendiri kepada masyarakat lain.

Zaman di mana seni silat dipelajari secara rah-

sia dan sembunyi-sembunyi kini sudah lesap dengan perubahan sekitar.

Seni silat juga sudah diterima bukan saja sebagai seni mempertahankan diri yang bermartabat tetapi sebagai satu jenis riadah yang sihat untuk anak muda.

Masyarakat Melayu haruslah menggalakkan anak-anak mereka menceburkan diri dalam seni silat.

Selain dari menolong menjaga jasmani kita supaya sihat, biasanya mempelajari silat juga disertai dengan disiplin-disiplin yang dapat membersihkan kerohanian seseorang.

Latihan-latihan yang diberikan itu mengajar orang yang mempelajarinya supaya bersikap sabar dan tabah.